

17/10/1998

Berhati-hati lantik naib ketua

Azman Mahmood

KOK LANAS, Jumaat - Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein diminta meneliti segala permasalahan dalam barisan kepemimpinan Pemuda Umno Kelantan, sebelum melantik Naib Ketuanya yang baru.

Pelantikan itu bagi mengisi kekosongan berikutan pemecatan Dr Wan Hasni Wan Sulaiman, 34, daripada Umno, baru-baru ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata pelantikan itu tidak boleh dilakukan secara gopoh dan tergesa-gesa.

Menurutnya, beliau sudah membincangkan kedudukan Naib Ketua Pemuda Umno Kelantan yang ketika ini kosong, berikutan peletakan jawatan Wan Hasni itu.

Beliau berkata, Umno Kelantan menyerahkan kepada kebijaksanaan Hishammuddin untuk membuat keputusan tetapi berharap beliau (Hishammuddin) dapat berbincang dengan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Umno negeri tidak memutuskan soal siapa (perlu dilantik) dan ia terpulang kepada Hishammuddin, cuma kita minta beliau berunding dengan Pemuda Umno Kelantan dan berbincang dengan Pengerusi Badan Perhubungan Umno.

"Saya sudah sampaikan pandangan kepada Hishammuddin dan Dr Mahathir tetapi yang penting, Pemuda Umno tidak menyelesaikan masalah secara `ad hoc' tetapi melihat bagaimana membentuk barisan Pemuda Kelantan yang berprestasi dan boleh menyumbang kepada kekuatan parti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Pahlawan, di sini, hari ini.

Dr Wan Mohd Hasni yang juga bekas Ketua Pemuda Umno bahagian Pasir Mas dipecat daripada Umno kerana didakwa terbabit dengan gerakan reformasi anjuran bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata Pemuda Umno diminta memberi perhatian sebaik mungkin dan meneliti masalah dalaman Pemuda Umno Kelantan kerana ia tidak menunjukkan satu barisan yang mantap.

"Saya tidak berpuas hati dengan prestasi Pemuda Umno negeri kerana mereka agak lembap dan perpaduan mereka belum mantap," katanya.

(END)